

# KM Sarawak runding dengan Dr. Mahathir

**KUCHING, Selasa** — Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Rahman Yakub berlepas ke Kuala Lumpur hari ini untuk memberi taklimat kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai pilihanraya negeri yang baru lalu.

Bercakap kepada para pemberita di sini, Datuk Patinggi Rahman berkata, beliau akan juga mendapatkan pandangan Timbalan Perdana Menteri mengenai susunan kabinet baru. Kerajaan Negeri supaya pentadbiran yang akan datang dapat memenuhi segala janji yang dibuat semasa pilihanraya dulu.

Mengenai kabinet baru yang mengangkat sumpah jawatan pagi ini, beliau berkata susunan itu hanya dibuat sementara sahaja kerana dua orang lagi Menteri Muda masih belum dilantik.

Datuk Patinggi Rahman menyatakan beliau akan menentukan bakalbekal calon yang akan mengisi portfolio yang kosong itu selepas membincangkan dengan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn yang kini berada di luar negeri.

Menurutnya, beliau tidak akan melantik

sebarang Menteri atau Menteri Muda yang baru sehingga beliau telah mendapat pandangan kesemua parti komponen Barisan Nasional di Sarawak.

Malam tadi, Datuk Patinggi Rahman yang juga Presiden PBB dan para pemimpin Barisan Nasional Negeri dari SNAP dan SUPP telah bermesyuarat membincangkan pembentukan Kerajaan Negeri.

Dalam pertemuan itu, Datuk Patinggi Rahman menjelaskan beliau tidak akan tunduk kepada mana-mana kumpulan yang cuba mendesaknya mengambil tindakan tertentu.

"Segala keputusan yang akan saya ambil mengenai penubuhan atau penyusunan kerajaan akan berdasarkan semata-mata kepada kepentingan negara dan bukan kepentingan kumpulan tertentu sahaja", ujarnya.

Antara mereka yang berada di lapangan terbang mengucapkan selamat jalan kepada Ketua Menteri ialah Datuk Amar Sim Kheng Hong, Datuk Alfred Jabu dan anggota Majlis Negeri Yang baru, Datuk Haji Noor Tahir.

— Bernama.